



WAWANCARA BERSAMA YANG BERBAHAGIA DATO' AHMAD MOKHTAR SELAT
MENGENAI KEJADIAN PENCULIKAN OLEH GERAKAN REVOLUSI TUPAC AMARU (MRTA)
SEMASA BELIAU BERKHIDMAT SEBAGAI DUTA MALAYSIA DI PERU

DISEDIAKAN OLEH:

NURUL SHAZWANA BINTI MALEK (2013417344)

NURUL FARHANA BINTI MOHD ABDUH NG (2013677874)

MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS

IMR 604 DOCUMENTING ORAL HISTORY

FAKULTI PENGURUSA MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAMPUS SEGAMAT

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu kami memanjatkan rasa syukur kami kepada Allah S.W.T kerana memberi kami kekuatan dan kesempatan untuk menyiapkan tugas wawancara bersama Dato' Ahmad Mokhtar Selat bekas duta besar Malaysia mengenai pengalaman beliau semasa menjadi tebusan di Peru. Jutaan ucapan terima kasih kami tujukan khas buat Dato' Ahmad Mokhtar Selat dan keluarganya kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah serta kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada kami. Tanpa kerjasama daripada pihak Dato', mungkin kami tidak dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna.

Kami ingin mengucapkan setulus penghargaan kepada Puan Azura Kamarruzaman @ Abd Jamil, pensyarah bagi subjek Sejarah Lisan (IMR 604) ini di atas tunjuk ajar dan nasihatnya dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Tanpa tunjuk ajar dan nasihat beliau sudah tentu proses menyiapkan tugas ini akan menjadi lebih sukar.

Selain itu, kami juga ingin menyampaikan rasa terima kasih dan penghargaan kami kepada kawan-kawan, senior dan keluarga di atas sokongan, galakan dan pendapat mereka mengenai tugas ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi kandungan	iii
Abstrak	iv
Pengenalan	v
Transkrip wawancara	1 - 39
Log wawancara	vi
Biodata Tokoh	vii
Senarai soalan wawancara	viii
Lampiran	viv
Indeks	x

Wawancara bersama yang berbahagia Dato' Ahmad Mokhtar Selat mengenai kejadian penculikan oleh Gerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA) semasa beliau berkhidmat sebagai duta Malaysia di Peru pada tahun sembilan belas sembilan puluh enam (1996)

Abstrak: Wawancara ini adalah di antara Nurul Shazwana binti Malek dan Nurul Farhana binti Mohd Abduh Ng dengan Dato' Ahmad Mokhtar Selat' seorang bekas duta besar Malaysia di Peru Dan Venezuela. Beliau mempunyai ijazah dari Universiti Malaya dan Master dari Australian National University. Pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau memulakan kerjaya dalam Kementerian Dalam Negeri. Dari segi hubungan diplomatic antara Malaysia dengan negara luar, beliau telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan. Beliau telah dipinjamkan ke Sekretariat ASEAN di Jakarta sebagai Timbalan Setiausaha. Beliau juga memegang jawatan sebagai pengarah operasi bagi pemindahan rakyat Malaysia semasa Perang Teluk yang pertama. Dato 'Ahmad Mokhtar juga terlibat dalam banyak penerbitan, seperti Tebusan Tupac Amaru, Berita Penerbitan (1997), dan Malaysia China Perhubungan, MA TESIS, ANU (1986). Semasa berkhidmat sebagai duta besar di Peru, beliau telah dijadikan tebusan oleh Gerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA). Pengalaman yang tidak mungkin terdapat dari mana-mana buku perlulah dimanfaatkan sebaik mungkin dan didokumentasikan untuk dijadikan rujukan bagi generasi akan datang.

Kata kunci: Tebusan, Duta besar, Peru, Tupac Amaru, Gerakan Revolusi Tupac Amaru, MRTA

PENGENALAN

Sejarah lisan adalah satu kaedah atau cara mengumpul, mencari, memlihara sejarah dengan menemubual dan merakam cara hidup, pengalaman serta sejarah sesuatu peristiwa yang lepas. Ini merupakan salah satu cara atau kaedah lama yang masih digunapakai sehingga hari ini. Sejarah lisan merupakan satu kaedah yang masih digunapakai dalam menyelidik bahan bersejarah, mencatat dan menulis maklumat yang penting dan bersejarah, ianya diperkenalkan pada tahun 1940. sejarah lisan merupakan satu cara atau kaedah yang moden dalam mendokumentasi bahan dan peristiwa bersejarah dengan menemubual atau menemuramah orang atau pengkisah yang terbabit secara langsung dengan peristiwa – peristiwa yang bersejarah dan menjadi saksi dalam sesuatu peristiwa yang bersejarah.

Sejarah lisan ini dilakukan bagi memenuhi keperluan subjek dalam Pengurusan Rekod iaitu Oral History (IMR 603). Dengan adanya sejarah lisan ini, ianya adalah bertujuan untuk merapatkan jurang di antara generasi yang lama dan baru. Kebisaannya, generasi muda akan mencari bahan–bahan bersejarah bagi tujuan penyelidikan dan pembelajaran. Dengan pengumpulan maklumat hasil daripada sejarah lisan ini ia dapat digunakan oleh guru, pensyarah dan badan–badan akademik dan berilmiah bagi tujuan kajian dan penyelidikan dalam memenuhi kehendak pengajaran dan pembelajaran mereka. Sejarah lisan merupakan satu cara atau kaedah yang lebih tepat dan berkesan dalam proses pencarian bahan sejarah atau bahan kajian terutamanya bagi para penggemar dan pengkaji sejarah yang memerlukan maklumat yang tepat. Catatan atau maklumat yang tertera di dalam buku tidak tepat jika dibandingkan dengan maklumat yang menggunakan kaedah sejarah lisan kerana ianya mengandungi maklumat dari segi pertuturan yang tidak boleh disangkal ketepatan dan kebenaran maklumat yang telah diperolehi daripadanya.